

Oleh Rosniza Mohd Taha  
 yoniza@bh.com.my  
 ▶ Kuala Lumpur

# Program 2U2i jamin peluang kerjaya

Pengenalan Program Dua Universiti + Dua Industri (2U2i) iaitu program belajar sambil bekerja di universiti awam mulai September ini diyakini mampu menjamin peluang kerjaya graduan serta meningkatkan keyakinan mereka untuk memasuki alam pekerjaan.

Modul program yang memperuntukkan penuntut untuk belajar selama dua tahun dan menimba pengalaman dalam industri selama dua tahun itu dijangka dapat memastikan graduan mampu bertahan menghadapi cabaran pekerjaan kerana mendapat pendedahan asas lebih awal mengenai realiti dunia kerjaya.

Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Mogen Selvaraja, berkata pengenalan program 2U2i bagi Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan di UMK adalah pendekatan baharu bagi memberi keyakinan kepada mahasiswa untuk menceburi perniagaan.

Katanya, graduan usahawan yang dihasilkan menerusi program itu bukan bergantung kepada pengetahuan teori semata-mata sebaliknya mendapat peluang lebih terbuka dan menyeluruh bagi menyediakan diri menjadi peniaga muda yang berdaya saing.

### Catur hala tuju

“Konsep pembelajaran seumpama ini mampu mengupayakan mahasiswa untuk mencatur hala tuju sendiri menerusi bidang keusahawanan sekali gus membantu mengatasi isu pengangguran kerana mereka sudah lebih awal mewujudkan kerjaya sendiri, bukan bergantung kepada peluang pekerjaan yang tidak menentu semata-mata.

“Program ini harus sentiasa diteliti dan dipantau bagi memastikan keberkesanannya supaya idea yang cukup mantap dalam mewujudkan revolusi baharu kebolehpasaran graduan dapat benar-benar diperkukuhkan,” katanya.

Sementara itu, YDP MPP Universiti Malaysia Pahang (UMP), Madyasir Ahmad Basir, berkata pelaksanaan program itu selaras usaha memperluas pendidikan fleksibel di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.


Bagaimanapun, katanya, kajian mendalam dan menyeluruh perlu dipastikan bagi memastikan kesesuaian sesuatu bidang pengajian itu untuk menerapkan pendekatan pembelajaran 2U2i.

“Mungkin tidak semua program sesuai melaksanakan pendekatan ini. Antara



UPM menawarkan program 2U2i iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perladangan dengan kerjasama The Incorporated Society of Planters.

[GAMBAR HIASAN]



perkara yang perlu dikaji adalah kehendak semasa industri serta ciri pekerja bagaimanakah yang diharapkan.

“Namun, saya percaya kebanyakan bidang pengajian wajar melaksanakan pendekatan 2U2i dan berharap pelaksanaannya akan diperluas ke IPT lain termasuk UMP bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan,” katanya.

### Pengalaman kerja

YDP MPP Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Syarafuddin Rahim, turut menyokong pelaksanaan program itu kerana mampu mengatasi masalah graduan sukar mendapat pekerjaan atas alasan tiada pengalaman bekerja.

Katanya, pengalaman industri ditimba menerusi program itu mampu menjadi pengetahuan asas serta melengkapkan graduan dengan kemahiran diperlukan dalam industri berkaitan.

Selain itu, katanya, kerjasama strategik dijalin menerusi

pelaksanaan program itu menjadi satu lagi wadah bagi mengeratkan hubungan IPT dengan industri.

“Pengalaman industri amat penting dan ini mampu mengatasi masalah graduan menganggur kerana tidak dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan yang kebanyakannya menetapkan pengalaman sebagai syarat utama.

“Walaupun ilmu daripada pengalaman itu sedikit, mampu menjadi pengetahuan asas bagi detik awal memasuki alam pekerjaan serta memastikan penghasilan graduan lebih berkualiti dan menepati kehendak pasaran.

“Jaminan pekerjaan bagi graduan setelah tamat pengajian adalah penting bagi memastikan segala komitmen dan usaha diberikan ketiak pengajian tidak sia-sia,” katanya.

### Sijil profesional

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata program 2U2i

yang akan mula dilaksanakan di universiti itu mulai September ini adalah bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perladangan dengan kerjasama The Incorporated Society of Planters (ISP).

Katanya, pelajar UPM terabit akan mengikuti kursus di FELDA dan Sime Darby serta sijil profesional pengurusan ladang yang diperoleh membolehkan mereka bekerja di mana-mana syarikat yang bernang di bawah ISP.

“Kumpulan pertama 30 pelajar program ini akan ditemui sebelum dipilih dan akan belajar selama empat semester di UPM serta empat semester lagi di lapangan.

“Industri akan mendedahkan kepada mereka segala aspek pengurusan ladang termasuk cara menebang hutan yang mesra alam, menguruskan tanaman dan menguruskan sumber manusia serta menjalani ujian dan penilaian dan kemahiran di ladang,” katanya ketika dihubungi.



INDUSTRI AKAN MENDEDAHKAN KEPADA MEREKA SEGALA ASPEK PENGURUSAN LADANG TERMASUK CARA MENEBAH HUTAN YANG MESRA ALAM, MENGURUSKAN TANAMAN DAN MENGURUSKAN SUMBER MANUSIA SERTA MENJALANI UJIAN DAN PENILAIAN DAN KEMAHIRAN DI LADANG”

Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, Naib Canselor UPM